

Penyelidikan UPM mampu hasilkan padi 10 tan sehektar

BESUT 30 Okt. - Penghasilan sembilan produk teknologi padi oleh sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) mampu meningkatkan pengeluaran hasil tanaman itu di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA-Ketara) di sini sehingga 10 tan sehektar setahun menjelang 2025.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, sasaran itu relevan memandangkan pengeluaran padi di kawasan berkenaan telah mencatatkan pertumbuhan positif iaitu sebanyak 5.7 tan sehektar berbanding jumlah sebelumnya hanya 4.8 tan sehektar.

Katanya, hanya menerusi penyelidikan yang mampu membantu golongan petani menjimatkan kos dan meningkatkan pendapatan masing-masing sekali gus menyumbang kepada pengeluaran hasil padi negara selain mengatasi masalah penyakit

karah dan serangan serangga.

"Inilah yang saya hendak lihat iaitu universiti membantu masyarakat kerana universiti bukan sahaja perlu turun padang, malah memastikan penyelidikan mereka dapat membantu golongan sasaran.

"Tahniah kepada penyelidik UPM yang telah bekerja keras dalam menghasilkan kesemua sembilan teknologi tersebut antaranya produk yang memberi ketahanan kepada pokok padi walaupun tenggelam dalam air sepenuhnya selama dua minggu diikuti produk teknologi hijau yang mengawal kerosakan akibat siput gondang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Teknologi Padi UPM@Besut 2016 di pekarangan Masjid Lubuk Kawah di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila serta Setiausaha

Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Shamsuddin Ismail.

Penghasilan sembilan teknologi padi UPM@Besut itu adalah menerusi inisiatif Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) bernilai RM10 juta bagi bidang keutamaan sekuriti makanan yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan Tinggi pada 2011.

Kesemua sembilan produk itu ialah LRGS 1:U Grow, LRGS 2:U Filler, LRGS 3:U Baja Asid Sulfat, LRGS 4:U Enhance S2, LRGS 5:AHA-Acid Humik Teraktif, LRGS 6:Putra Saponin Nanoemulsi, LRGS 7:Putra Air Unmanned, LRGS 8:Putra-Karah dan LRGS 9:Putra-Submergen.

Idris yang juga Ahli Parlimen Besut memberitahu, kelancaran program itu secara tidak langsung dapat merealisasikan hasrat menjadikan IADA-Ketara sebagai kawasan jelapang padi terbaik negara pada masa akan datang.



IDRIS JUSOH menyempurnakan gimik pelancaran Teknologi Padi UPM@Besut 2016 di pekarangan Masjid Lubuk Kawah, Besut, Terengganu, semalam. Turut kelihatan Mohd. Azmi Mohd. Lila (dua dari kanan).